

[Terkini](#)
[Singapura](#)
[Dunia](#)
[Gaya Hidup](#)
[Hiburan](#)
[Eksklusif](#)
[Acara](#)
[#beliasg](#)
[Sukan](#)



Tingkap 'bijak' ciptaan NTU mampu sekat sinaran inframerah tanpa jejas pemandangan

9/11/2021 19:20 Update: 9/11/2021 23:47



KONGSI ARTIKEL



SINGAPURA: Para penyelidik dari Universiti Teknologi Nanyang (NTU) mencipta bahan tingkap baru yang bijak. Ia bukan saja memberikan anda pemandangan yang jelas tetapi juga melindungi daripada sinaran inframerah.

Teknologi terkini hanya dapat menghalang cahaya yang boleh dilihat tetapi tidak dapat menghalang sinaran panas.

Namun dengan bahan baru yang menjimatkan tenaga sehingga 30 peratus, kadar pemandangan adalah hampir 100 peratus.

Bahan itu dihidupkan dengan menggunakan elektrik dan pengguna dapat mengawal haba serta menghalang sehingga 70 peratus radiasi inframerah.

Menurut para penyelidik NTU, ia juga dapat membantu keluarga mengurangkan bil penghawa dingin dalam keadaan cuaca panas di Singapura.

Mereka juga sedang bekerjasama dengan pengeluar kaca tempatan untuk meningkatkan lagi mutu produk itu bagi tujuan komersil.

- CNA/RB/fz

Tagged Topics

NTU

teknologi

cucaca

KONGSI ARTIKEL



Lebih Banyak Berita Untuk Anda



S'pura lapor 3,397 kes baru COVID-19; lagi 12 kematian



Hukuman mati pengedar dadah warga M'sia ditunda setelah positif COVID-19



Sakit perut, tersentak tidur; ibu budak 4 tahun beri amaran gejala pasca COVID-19 selepas anak masuk ICU